

Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup (Dextromethorphan 15 mg/ 5ml)

Kandungan risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup
2. Bagaimana Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup berfungsi
3. Sebelum pengambilan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup
4. Cara pengambilan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup
5. Semasa pengambilan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran
11. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup

Dextromethorphan merupakan perencat batuk dimana ianya bertindak mengurangkan batuk. Ianya boleh digunakan untuk melegakan batuk yang kering dan menggelikan tekak. Batuk yang kering bermaksud tidak menghasilkan kahak atau mukus di dalam dada.

Dextromethorphan tidak merawat batuk yang disebabkan oleh merokok, asma atau masalah paru-paru emfisema.

Bagaimana Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup berfungsi

Dextromethorphan mengganggu isyarat dalam otak yang merangsangkan refleks batuk.

Ianya bekerja dengan mengurangkan aktiviti dalam bahagian otak yang menyebabkan batuk.

Sebelum pengambilan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup

Bila tidak patut mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup sekiranya anda:

- mengalami alahan kepada Dextromethorphan atau bahan-bahan dalam kandungan ubat ini (seperti dalam senarai dibawah)
- mengalami masalah hati
- menghadapi masalah pernafasan yang serius dan teruk atau berisiko untuk mendapatkannya
- sedang mengambil ubat antidepresan/anti-kemurungan dalam kumpulan perencat monoamine oxidase (MAOI's)
- 3 bulan hamil, melainkan atas arahan doktor

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alah terhadap dextromethorphan, sebarang ubat lain atau sebarang bahan-bahan dalam produk yang anda bakal ambil ini. Periksalah label pada bungkusan untuk melihat senarai bahan-bahan yang terkandung di dalamnya.

Beritahulah doktor anda sekiranya anda seorang perokok, sekiranya anda mengalami batuk dengan kahak yang banyak atau sekiranya anda mengalami atau pernah mengalami masalah pernafasan seperti asma, emfisema atau bronkitis kronik.

Beritahulah doktor anda sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi. Sekiranya anda hamil semasa mengambil dextromethorphan, hubungilah doktor anda.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahulah doktor dan ahli farmasi anda sekiranya anda mengambil atau merancang untuk mengambil ubat-ubatan yang didapati melalui preskripsi, tanpa preskripsi, vitamin dan produk herba kerana bahan-bahan ini mungkin berinteraksi dengan ubat ini.

Contoh ubat-ubatan yang boleh mempengaruhi ubat ini termasuklah:

- Ubat-ubatan untuk alahan
- Sedatif atau ubat-ubatan lain yang membuatkan anda mengantuk
- Ubat-ubat untuk merawat masalah kesihatan mental
- Ubat-ubatan untuk masalah jantung

Cara pengambilan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup

Anda harus memeriksa dengan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

Berapa banyak perlu diambil

Dos yang biasa untuk dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas, satu sudu teh (15 mg) setiap 4 jam dan tidak melebihi 120 mg sehari.

Waktu pengambilan

Boleh diambil dengan atau tanpa makanan setiap 4 jam sehari.

Tempoh pengambilan

Berhenti mengambil dextromethorphan dan hubungilah doktor anda sekiranya batuk anda tidak bertambah baik dalam masa 7 hari, sekiranya batuk anda sudah berhenti dan datang balik, your atau sekiranya batuk anda terjadi bersama-sama dengan demam, ruam atau sakit kepala.

Jika terlupa mengambil

Dextromethorphan biasanya diambil bila perlu sahaja. Sekiranya doktor anda telah mengarahkan anda untuk

mengambil dextromethorphan secara tetap, ambil dos yang anda terlupa ini dengan segera sebaik sahaja teringat. Bagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau pergi ke hospital yang berdekatan dengan segera sekiranya anda telah terlebih mengambil ubat ini.

Simptom-simptom terlebih dos itu termasuklah:

- kekeliruan
- mengantuk atau pening
- rasa mual atau muntah yang teruk
- keterujaan luar biasa yang teruk
- rasa cemas
- rasa tidak tenang atau cepat rasa marah

Semasa pengambilan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup

Perkara yang perlu dilakukan

Beritahulah ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak berkurangan. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan

memberitahu sama ada anda perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan meminum arak. Ianya boleh meningkatkan sesetengah kesan sampingan dextromethorphan.

Elakkan mengambil ubat-ubatan lain yang membuatkan anda mengantuk (seperti ubat selsema, ubat tidur, ubat tahan sakit, ubat pengendur otot, dan ubat-ubatan untuk sawan, kemurungan atau keresahan).

Jangan mengambil ubat-ubatan lain untuk masalah batuk, selsema atau alahan tanpa memberitahu doktor atau ahli farmasi anda terlebihdahulu.

Dextromethorphan boleh didapati dalam banyak sediaan yang boleh dibeli di atas kaunter tanpa preskripsi. Sekiranya anda mengambil ubat-ubat ini bersama-sama dengan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup, akan berkemungkinan akan terlebih mengambil ubat ini tanpa anda sedari. Bacalah label ubat yang anda sedang gunakan bagi memastikan sama ada ianya mengandungi dextromethorphan atau tidak.

Jangan memberi ubat ini kepada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera berat sehingga anda mengetahui bagaimana kesan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup terhadap anda.

Ambillah langkah berjaga-jaga dengan ubat ini sekiranya anda:

- mengalami batuk yang berpanjangan atau asma (jangan mengambil ubat ini sekiranya nafas anda bebunyi/‘wheezing’ atau anda sedang mengalami serangan asma
- mengalami batuk yang mengeluarkan banyak kahak
- sedang merawat kanak-kanak yang terdedah kepada alahan/alergik

Gunakanlah dengan berhati-hati dan ikutilah nasihat dari doktor atau ahli farmasi anda untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

Kesan-kesan sampingan

Seperti kebanyakan ubat lain, Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Dextromethorphan boleh menyebabkan:

- kesan pada kulit seperti ruam
- rasa mual, muntah dan cirit-birit
- rasa mengantuk, pening, teruja atau keliru
- kekejangan

- masalah pernafasan

Sekiranya salah satu dari kesan sampingan tersebut menjadi teruk atau anda mengalami kesan sampingan selain dari yang tersenarai dalam risalah ini, segeralah menghubungi doktor atau ahli farmasi anda..

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup

Penyimpanan

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

Simpan di tempat yang bersuhu bawah 25°C. Lindungi daripada pancaran cahaya.

Jangan mengambil ubat ini sekiranya ada tanda-tanda ubat ini telah rosak atau dibuka.

Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

Larutan yang berwarna hijau jernih dan berperisa nenas.

Bahan-bahan kandungan:

Setiap 5 mL mengandungi Dextromethorphan Hydrobromide 15 mg, Methyl Paraben, FDC Yellow, Propylene Glycol, Sodium Saccharin, Pineapple Flavour, Purified Water, Sugar, Propyl Paraben, FDC Blue.

Nombor MAL:

MAL20000675A

Pengilang:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D), 11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D), 11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh: 15 September 2012

Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup (Dextromethorphan 15 mg/ 5ml)

What is in this leaflet

1. What Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup is used for
2. How Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup works
3. Before you take Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup
4. How to take Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup
5. While you are using Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup
6. Side effects
7. Storage and Disposal of Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup
8. Product Description
9. Manufacturer
10. Marketing Authorisation Holder
11. Date of Revision

What Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup is used for

Dextromethorphan is a cough suppressant which acts to reduce coughing.

It can be used to relieve dry and tickly coughs. Dry cough do not produce phlegm or mucus on the chest.

Dextromethorphan will not treat a cough that is caused by smoking, asthma, or emphysema.

How Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup works

Dextromethorphan affects the signals in the brain that trigger cough reflex.

It works by decreasing activity in the part of the brain that causes coughing.

Before you take Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup

When you must not take it

Do not take Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup if you :

- are allergic to dextromethorphan or any of the other ingredients
- have liver problem
- suffer from serious breathing (respiratory) problems or are at risk of developing them
- are taking antidepressant drugs called monoamine oxidase inhibitors (MAOI's)
- are in the first 3 months of your pregnancy, unless your doctor has told you to.

Before you start to take it

Tell your doctor and pharmacist if you are allergic to dextromethorphan, any other medications, or any of the ingredients in the product you plan to take. Check the package label for a list of the ingredients.

Tell your doctor if you smoke, if you have a cough that occurs with

a large amount of phlegm (mucus), or if you have or have ever had breathing problems such as asthma, emphysema, or chronic bronchitis.

Tell your doctor if you are pregnant, plan to become pregnant, or are breast-feeding. If you become pregnant while taking dextromethorphan, call your doctor.

Taking other medicines

Tell your doctor and pharmacist what prescription and nonprescription medications, vitamins, nutritional supplements, and herbal products you are taking or plan to take, as they may interact with this medicine.

Examples of medicines which can affect to this medicine are:

- medicines for allergies
- sedatives or other medicines that make you feel sleepy
- medicines for mental health conditions
- medicines for heart problems

How to take Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup

You should check with your doctor or pharmacist if you are not sure.

How much to take

The usual doses for adult and children over 12 years is one

teaspoon (15 mg) every 4 hours, not to exceed 120 mg daily.

When to take it

Can take with or without food every 4 hour daily.

How long to take it

Stop taking dextromethorphan and inform your doctor if your cough does not get better within 7 days, if your cough goes away and comes back, or if your cough occurs with a fever, rash, or headache.

If you forget to take it

Dextromethorphan is usually taken as needed. If your doctor has told you to take dextromethorphan regularly, take the missed dose as soon as you remember it. However, if it is almost time for the next dose, skip the missed dose and continue your regular dosing schedule. Do not take a double dose to make up for a missed one.

If you take too much (overdose)

Seek emergency medical attention if you think you have used too much of this medicine.

The symptoms of overdose include:

- confusion
- drowsiness or dizziness
- severe nausea or vomiting
- severe unusual excitement
- nervousness
- restlessness or irritability

**While you are using
Pharmaniaga Dextromethorphan
Syrup**

Things you must do

Talk to your pharmacist or doctor if your symptoms do not improve.

Your pharmacist or doctor will assess your condition and decide if you should continue to take the medicine.

Things you must not do

Avoid drinking alcohol. It can increase some of the side effects of dextromethorphan.

Avoid using other drugs that make you sleepy (such as cold medicine, sleeping pills, pain medication, muscle relaxers, and medicine for seizures, depression or anxiety).

Do not use any other over-the-counter cough, cold, or allergy medication without first asking your doctor or pharmacist.

Dextromethorphan is contained in many medicines available over the counter. If you take certain products together you may accidentally take too much of this medicine. Read the label of any other medicine you are using to see if it contains dextromethorphan.

Do not give to children below 2 years of age

Things to be careful of

Be careful driving or operating machinery until you know how

Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup affects you.

Take special care with this medicine if you:

- have long term cough or asthma (do not take this medicine if you are wheezing or if you are having an asthma attack)
- have cough which produces lots of phlegm
- are treating a child who is prone to allergies

Use carefully and follow the advice from doctor or pharmacist for children aged 2 to 6 years.

Side effects

Like all medicines Pharmaniaga Dextromethorphan Syrup can cause side effects, although not everyone will get them.

Dextromethorphan may cause:

- skin reaction such rashes
- feeling sick, being sick, diarrhea
- feeling drowsy, dizzy, excited or confused
- fits
- breathing problems

If any of the side effects gets serious or if you notice any side effect not listed in this leaflet, please let your doctor or pharmacist know.

**Storage and Disposal of
Pharmaniaga Dextromethorphan
Syrup**

Storage

Keep this medicine in a safe place where children cannot see or reach it. Do not store above 25°C. Store in the original container and keep the container tightly closed.

Do not use this medicine after the expiry date printed on the pack. The expiry date refers to the last day of that month.

Do not use this medicine if you notice any visible signs of deterioration.

Disposal

Medicines should not be disposed of via wastewater or household waste. Ask your pharmacist how to dispose of medicines no longer required. These measures will help to protect the environment.

Product Description

What it looks like

Clear mixture, green in colour and with pineapple flavor.

Ingredients:

Each 5 mL contains Dextromethorphan Hydrobromide 15 mg, Methyl Paraben, FDC Yellow, Propylene Glycol, Sodium Saccharin, Pineapple Flavour, Purified Water, Sugar, Propyl Paraben, FDC Blue.

MAL NO:

MAL20000675A

Manufacturer:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Marketing Authorisation

Holder:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Date: 24th September 2012